

Sinar Harian - 31/5/16

YPM sasar bantu 80,000 asnaf

Pastikan tiada golongan asnaf tercicir dari dapat bantuan



Seramai 68 murid tahun enam yang juga calon UPSR dari enam sekolah menggayakan simbol 6A bagi menggambarkan pencapaian yang disasarkan mereka dalam peperiksaan yang akan diambil pada 5 September depan.

■ NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

- Yayasan Pendidikan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) (YPM) menyasarkan untuk membantu seramai 80,000 bilangan isi rumah asnaf dan fakir miskin seluruh negeri dalam tempoh lima tahun.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohamad Imizan Ismail berkata, daripada jumlah itu, 18,000 bagi daerah Kuala Terengganu, 8,586 (Kuala Nerus), 7,286 (Marang), 5,001 (Dungun), 6,510 (Kemaman), 3,994 (Setiu), 7,139 (Besut) dan 4,446 bagi Hulu Terengganu.

Menurutnya, usia golongan itu pada awalnya ditetapkan untuk mendapat bantuan pada usia seawal enam hingga 40 tahun, namun, kini diputuskan sehingga sepanjang hayat.

"Usaha ini akan diperkasa daripada masa ke semasa bagi memastikan tiada golongan asnaf dan fakir miskin yang tercicir dari mendapat bantuan dan sumbangan bagi membantu mereka meneruskan

kehidupan.

"Sebab itulah kita amat mengalu-alukan sumbangan sama ada dari pihak jabatan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), badan bukan kerajaan (NGO) atau individu perendirian. Bentuk sumbangan juga kita terima sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan," katanya ketika ditemui pada Program Kecemerlangan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di Hotel Grand Puteri, di sini.

Program yang disertai 68 murid yang juga terdiri dalam kalangan asnaf itu dianjurkan YPM dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Terengganu, Sekolah Kebangsaan Kampung Baharu Serada (KABARUS) dan pelajar Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (UniSZA).

Turut hadir, Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Terengganu, Jelani Sulung dan Guru Besar SK KABARUS, Mohd Noor Omar.

Bercakap lanjut mengenai skop bantuan dan khidmat yang disediakan YPM sejak

beroperasi pada Jun 2015, Mohamad Imizan berkata, YPM mengutamakan konsep yang diterapkan melalui cetusan idea, carian, laksana dan pantau.

"Cetusan idea ialah melalui (program atau bantuan), carian (dana atau infra) melalui usaha sama agensi atau organisasi, laksana (menjalankan aktiviti yang telah di luluskan) dan pantau (mencerap maklumat, analisa maklumat dan simpan maklumat berkaitan aktiviti sebagai asas kepada bank data YPM).

"Ia selaras dengan visi YPM sebagai organisasi di bawah Maidam yang bertindak sebagai pencetus idea dalam membentuk program atau aktiviti yang melibatkan pelbagai aspek pendidikan dan sebagai pemudah cara bagi mencapai objektif penubuhan YPM dalam membantu golongan sasar melalui pendidikan," katanya.

Beliau berkata, bantuan dari segi pendidikan tidak hanya tertumpu kepada pelajar dan murid sahaja, ia merangkumi golongan asnaf sehingga kepada warga emas.